

## Meneroka Pengalaman Remaja Dan Kesan Emosi Akibat Perceraian Ibu Bapa Di Negeri Selangor

*Exploring Adolescent Experiences and Emotional Effects of Parental Divorce in the State of Selangor*

Nur Faeiz Mohd Yasin

<sup>1</sup>Noremy Md Akhir

Program Kerja Sosial

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>noremy@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ibu bapa di negeri Selangor. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan, jumlah pasangan muslim yang bercerai semakin meningkat iaitu daripada 30,709 pada tahun 2017 kepada 40,269 pada tahun 2018. Data ini menunjukkan bahawa masalah perceraian dikalangan ibu bapa di Malaysia amat serius dan sedikit sebanyak telah mengganggu kesejahteraan hidup anak-anak. Oleh itu, objektif kajian ini ialah meneroka pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ibu bapa di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data. Lima informan telah dipilih untuk kajian ini menggunakan persempelan bertujuan. Data temu bual yang diperoleh dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati remaja mempunyai pengalaman buruk dan trauma akibat perceraian ibu bapa mereka. Namun begitu, mangsa perceraian mempunyai pelbagai pengalaman perceraian seperti Kesukaran menuju fasa dewasa, Masalah kewangan, Masalah tempat tinggal selamat dan kesan emosi remaja. Implikasi kajian ini adalah memberi kesedaran kepada ibu bapa dan mangsa perceraian serta intervensi berbentuk sokongan emosi perlu disedaikan oleh pihak berkaitan agar kesejahteraan emosi anak-anak ini dapat dikawal walau berhadapan dengan pelbagai konflik rumah tangga.

**Kata kunci:** Kesukaran menuju fasa dewasa, Masalah kewangan, Masalah tempat tinggal selamat dan kesan emosi remaja.

### ABSTRACT

*This study aims to explore the experiences of teenagers and the emotional effects of parental divorce in the state of Selangor. The Department of Statistics Malaysia reported that the number of divorced Muslim couples increased from 30,709 in 2017 to 40,269 in 2018. This data shows that the problem of divorce among parents in Malaysia is very serious and to some extent has interfered with the well-being of children. Therefore, the objective of this study is to explore the experiences of teenagers and the emotional effects of parental divorce in the state of Selangor. This study uses a qualitative method with semi-structured interviews as a data collection method. Five informants were selected for this study using purposive sampling. The interview data obtained was analyzed using thematic analysis techniques. The results of the study found that teenagers have bad experiences and trauma as a result of their parents'*

*divorce. Nevertheless, divorce victims have various experiences of divorce such as Difficulties towards the adult phase, Financial problems, Problems with safe housing and the emotional impact of teenagers. The implication of this study is to give awareness to parents and victims of divorce and interventions in the form of emotional support should be provided by relevant parties so that the emotional well-being of these children can be controlled even when faced with various domestic conflicts.*

**Key words:** *Difficulties towards the adult phase, Financial problems, Safe housing problems and the emotional impact of adolescents.*

## 1. Pengenalan

Penceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan di seluruh dunia. Terdapat peningkatan statistik kes perceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia ini. Realiti kekeluargaan di Malaysia memperlihatkan trend penceraian meningkat setiap tahun. Menurut Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2013- 2018) rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia mencatatkan sebanyak 59712 kes penceraian 2014 dan melonjak kepada 63463 kes pada tahun 2015. Perubahan angka yang bertambah itu membimbangkan status pasangan di Malaysia apabila perceraian menjadi pilihan terakhir buat mereka. Berikutnya trend dan statistik ini, pengkaji melihat bahawa, terdapat ramai remaja yang menjadi mangsa penceraian. Kajian ini juga memfokuskan kepada objektif seperti, Meneroka pengalaman remaja dan kesan emosi akibat penceraian ibu bapa di negeri Selangor.

## 2. Tinjauan Literatur

Fenomena perceraian ini bukan sahaja menjadi isu di peringkat negara Malaysia, namun di peringkat global juga. Dalam tahun 2000-an, kes penceraian dan berpisah paling tinggi berlaku di negara maju berbanding negara sedang membangun. Antara Amerika Syarikat dan Eropah, Amerika Syarikat adalah negara maju yang paling tinggi kadar kes penceraian atau perpisahan (Amato & James 2013). Data menunjukkan bahawa, penceraian berlaku secara mendadak dan tinggi terhadap sesebuah institusi keluarga dari tahun ke tahun. Pada peringkat global, perpisahan dan perceraian semakin berleluasa di Amerika utara. Sekitar 40% hingga 70% kanak-kanak mengalami perceraian ibu bapa mereka (emerly 1996). Di Kanada pada tahun 1997, terdapat 151,2224 perkahwinan dan 67,408 perceraian. Data ini merekodkan bahawa, lebih kurang separuh perkahwinan adalah gagal. Antara tahun 1971 dan 1991, kadar perkahwinan menurun dan kadar perceraian meningkat (Hanvey 1994). Pada tahun 1991, 82% daripada semua keluarga ibu bapa tunggal di ketuai oleh Wanita.

### 2.1 Kesukaran menuju fasa dewasa

Perceraian yang dilakukan oleh ibu bapa memang memberi impak yang besar kepada ahli keluarga terutama anak-anak. Mereka akan menghadapi pelbagai kesukaran dan keresahan dari segi emosi dan psikologi. Kebanyakan perceraian datang dengan kehilangan yang tidak jelas, anak-anak daripada ibu bapa yang bercerai sering mengalami kesakitan traumatic yang tidak jelas yang boleh bertahan seumur hidup. (Czapiewski, 2014). Maka, anak-anak tidak terasa ketika mereka diusia yang kecil. Malah, kesannya apabila sudah meningkat dewasa. Di fasa ini, terdapat kesukaran untuk mereka menerima bahawa mereka kekurangan satu daripada ibu atau ayah. Hal

ini dikatakan demikian kerana, apabila hak penjagaan diberikan kepada seorang ibu bapa, ia secara fizikal memisahkan ibu bapa yang lain kearah meninggalkan keluarga (cancian, Mayer, Brown 2014). Keterpisahan ini akhirnya menjelaskan hubungan antara anak, ibu dan bapa (Amato, 2014)

Perkara yang lebih teruk dalam banyak kes disebabkan oleh akibat perceraian yang lain seperti menukar sekolah atau persekitaran hidup yang membawa anak itu jauh dari ibu atau bapa yang tidak mempunyai hak penjagaan (Amato, 2014). Perkara ini secara tidak langsung menjelaskan kualiti kehidupan kanak kanak itu kerana terpaksa untuk menerima kehidupan baru dan persekitaran yang baru. Kajian lepas mendedahkan bahawa akibat perceraian dan kemerosotan hubungan ibu bapa dan anak boleh membawa kepada perasaan sedih yang sangat mendalam (Bistamam et 2015). Maka jelaslah bahawa, perceraian ibu bap aini membawa kepada kesukaran kepada anak anak untuk menuju ke peringkat dewasa.

## 2.2 Masalah kewangan

Kajian lepas banyak menunjukkan bahawa, antara punca perceraian adalah disebabkan masalah kewangan yang tidak utuh. Menurut Muhammad & Jasmi (2004) menjalaskan sebagai ketua atau pemimpin kepada sesebuah rumah tangga, sangat Penting bagi seseorang suami melaksanakan hak seorang isteri. Namun, disebabkan tanggungjawab yang tidak dilaksanakan, maka perceraian menjadi titik terakhir. Apabila sudah berpisah, salah seoarang daripada ibu dan bapa akan mengambil hak penjagaan anak. Kebanyakan hak penjagaan akan jatuh ke tangan ibu. Perkara ini akan memberi kesan kepada remaja kerana ibu tidak mampu untuk menanggung kesemua pembelajaran yang diperlukan dan dalam pada masa yang sama bapa juga tidak memberi nafkah kepada si anak.

Apabila pasangan berpisah, ada sesetengah Wanita yang mempunyai pendapatan yang terjejas. Hal ini kerana sebelum ini kemungkinannya tidak bekerja. Oleh itu, di Jerman, risiko kemiskinan bagi ibu tunggal adalah empat kali lebih tinggi berbanding ibu yang ada pasangan. (Hubgen 2018). Di samping itu, ketidaksinambungan pekerjaan wanita dan pendapatan rendah semasa perkahwinan boleh memberi kesan berpanjangan ke atas kesejahteraan kewangan mereka, bukan sahaja pada masa perceraian, tetapi dalam jangka Panjang. (Hammerschmid 2019). Penyelidikan sebelum ini mengenai kesan ekonomi akibat perceraian terutamanya kepada isi rumah yang ssetara. Kajian ini mendapati perubahan sederhana dalam pendapatan bagi lelaki, tetapi penurunan mendadak dalam pendapatan bagi Wanita sekitar masa perceraian dan perpisahan (Andre 2007). Jadi, Jerman telah menyaksikan peningkatan pesat dalam kadar pekerjaan Wanita dalam dekad yang lalu (Eurostat 2019). Tanggungan Wanita selepas perceraian adalah semakin tinggi kerana ada juga bapa kepada anak mereka yang tidak mahu bertanggungjawab. Maka, jelaslah bahawa, masalah kewangan selepas bercerai.

## 2.3 Masalah tempat tinggal selamat

Selepas berlaku perceraian, kebanyaknya ibu dan bapa tidak lagi berkongsi tanggungjawab. Sebagai contoh, jika anak duduk dengan si ibu, maka ibu akan menguruskan kesemua sekali tentang anak mereka dan sama juga seperti ayah. Perkara ini tidak akan menjadi sebagai sesuatu isu sekiranya anak ditempatkan ditempat yang selamat dan selesa. Namun, kebanyakannya tidak mempunyai masa yang cukup untuk memantau anak mereka. Kemudiannya, mereka melatakan anak mereka kepada

orang lain untuk dijaga tanpa mengira keselamatan dan keselesaan anak mereka. Mengikut teori Abraham Maslow mengatakan bahawa, seseorang individu itu perlu mendapat keperluan asas yang secukupnya seperti makan, minum dan tempat yang selamat. Dalam kajian Amato 2014, ketiadaan seorang ibu atau bapa dan tinggal secara bersendirian atau dengan yang lain boleh mewujudkan persekitaran yang kurang penjagaan dan kasih sayang ibu bapa.

#### **2.4 Kesan Emosi Remaja**

Menurut kajian lepas, remaja yang menjadi mangsa perceraian berpengalaman dalam penurunan kematangan sosial dan psikologi. Remaja yang tinggal do kolej yang menjadi mangsa perceraian lebih cenderung menjadi ganas atau buas terutama dalam keadaan untuk menyelesaikan konflik (Billingham dan notebaert, 1993). Perkara ini disokong oleh kajian Amato (2001) yang menyatakan remaja dari ibu bapa bercerai mempunyai markah yang lebih rendah dalam akademik dan perhubungan sosial dengan orang sekeliling. Kajian Strohschein (2005) menyatakan bahawa, keimbangan dan kemurungan remaja lebih teruk selepas peristiwa perceraian ibu bapa. Dalam kajian ini, pengkaji melihat bahawa, pengalaman remaja yang menjadi mangsa perceraian semakin merungsingkan. Kajian lepas juga menyokong banyak perkara seakan menceritakan pengalaman yang dihadapi oleh remaja majoriti tidak memuaskan. Namun, pemkaji menemukan dalam kajian Jeunes (2001) menyatakan pengalaman remaja yang ibu bapanya berpisah namun duduk bersama mempunyai peningkatan dari taraf kesihatan emosi. Pengkaji merumuskan bahawa, keadaan emosi remaja lebih baik apabila ibu bapanya bersama berbanding berlaku perpisahan.

### **3. Metodologi dan Kawasan kajian**

#### **3.1 Reka Bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berpandukan pendekatan kajian kes. Yin (2009) mentakrifkan kajian kes sebagai satu inkiri empirical yang menyiasat sesuatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar. Dalam kajian kes, pelbagai kaedah pengumpulan data digunakan, kerana ia melibatkan kajian mendalam tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Antaranya, kaedah temu bual, Pemerhatian, Analisis dokumen dan Artifik. Yin (2009) juga menyatakan bahawa, Kajian kes bukanlah kaedah pengumpulan data, sebaliknya merupakan strategi penyelidikan atau reka bentuk untuk mengkaji unit sosial.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif bersifat deskriptif untuk menjawab persoalan kajian menggunakan pendekatan jenis kajian kes (Woodside 2016). Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian kes. Dengan menggunakan kajian kes akan memperdalam peristiwa atau fenomena kajian sehingga akan membantu memahami bagaimana berlakunya suatu fenomena atau isu. Menurut Mortada (2020), kajian kes bertujuan untuk mengkaji bagaimana tingkah laku individu atau perubahan keadaan sosial berlaku untuk menjelajah perkara-perkara yang belum diketahui.

Pengkaji memilih kaedah temubual mendalam separa berstruktur supaya skop kajian boleh diperluaskan dan mendapatkan lebih banyak tema baru. Susunan senarai soalan yang ingin diteroka dijadikan titik panduan untuk memudahkan pengkaji bertanyakan soalan fleksibel yang tidak lari daripada persoalan yang sebenar, malah ia juga dapat membantu informan untuk bercerita mengikut alur yang berterusan dan

teratur. Kaedah ini membantu pengkaji memberi sepenuh perhatian dan mendengar maklum balas daripada informan dengan penuh teliti.

Keseluruhannya, pengkaji juga mendapatkan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada maklumat informan manakala data sekunder diperolehi melalui bahan bacaan berilmiah seperti kajian-kajian lepas dan jurnal yang berkaitan. Bahan-bahan bagi data sekunder didapati melalui Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Pusat Sumber Psikologi dan Pembangunan Malaysia dan laman sesawang seperti Google dan Google Scholar yang menyimpan bahan bacaan atau jurnal yang berkaitan. Ini sangat penting bagi pengkaji sebelum memulakan kajian bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat dan memahami dengan lebih tepat objektif kajian yang ingin dikaji.

### **3.2 Lokasi Kajian**

Kawasan pengkaji adalah disekitar Negeri Selangor. Ianya terdiri juga daripada remaja di PPR, Pusat NGO dan remaja di Universiti. Pengkaji memilih negeri Selangor kerana, Selangor merupakan sesebuah daerah yang dikira sebagai tahap kemajuannya lebih tinggi berbanding negeri lain. Lantaran itu, kes perceraian di negeri Selangor juga meningkat dari hari kehari.

### **3.3 Persampelan kajian**

Kajian ini menggunakan persampelan kajian bertujuan. Persampelan kajian bertujuan adalah Teknik yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan kualitatif untuk mengenal pasti kes dan pemilihan kes yang kaya dengan maklumat untuk penggunaan sumber terhad yang paling berkesan (patton, 2002). Ini melibatkan untuk mengenalpasti dan memilih individu yang sesuai untuk mendapatkan maklumat kajian. (cresswell & Plano Clark, 2011). Kaedah pemilihan sampel yang memfokuskan kepada remaja yang menjadi mangsa penceraian ibu bapa. Informan yang dipilih ini memang khusus sedang atau pernah menghadapi situasi ibu bapa yang berpisah. Kriteria ini yang dipilih dan ditetapkan oleh Pengkaji. Oleh itu, pengkaji dapat maklumat yang menepati kajian pengkaji.

### **3.4 Tata Cara Pengumpulan Data**

#### **A) Sebelum Pengumpulan data**

Pengkaji akan menceritakan secara jelas dibahagian ini, bagaimana etika penyelidikan dijalankan. Antara etika kerja lapangan yang perlu dilakukan adalah mendapatkan persetujuan termaklum (informen concent) dan kerahsiaan (confidentiality), menurut (smith, 1990). Sebagai contoh, Sebelum mengumpul data, pengkaji mendapatkan kebenaran pihak NGO dan Kawasan setempat sekiranya memerlukan surat kebenaran untuk melaksanakan kajian. Tujuan pengkaji menjalankan persetujuan termaklum ni agar, sampel kajian itu brsetuju secara sukarela tanpa terpaksa untuk membantu pengkaji dalam menyelesaikan objektif.

Selain itu, pengkaji juga harus mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji yang merupakan pelajar Kerja Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ingin menjalankan kajian harus mendapatkan kebenaran dari pihak berwajib. Tindakan ini adalah untuk saling melindungi diri daripada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Pengkaji juga menjalankan kajian rintis sebagai Tindakan awal untuk

memastikan objektif kajian ini perlu dijalankan tercapai. Menurut Fraenkel dan wallen (1990), kajian rintis ialah cubaan kajian yang dibuat secara kecilan dengan tujuan mengenalpasti kelemahan instrument kajian dan tatacara kajian. Pengkaji juga membuat penambahbaikan soalan mengikut kesesuaian dan keperluan kajian pengkaji. Kajian rintis juga digunakan untuk menentukan kebolehpercayaandan kesahanitem temubual. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan 5 orang informen sebelum proses pengumpulan data dilakukan.

### **B) Semasa Pengumpulan Data**

Pengkaji mengumpulkan data sebenar melalui temu bual mendalam Bersama informan. Kaedah temu bual merupakan interaksi aktif antara dua orang atau lebih untuk memandu perbincangan hasil berdasarkan konteks kajian (silverman, 1993). Kajian pengkaji ini menggunakan 5 orang sebagai informan dan hasil yang meeka sebutkan itu merupakan jawapan bagi kajian pengkaji. Pengkaji menggunakan soalan terbuka untuk memandu informan dalam menjawab soalan yang ditanya. Setiap yang disebut oleh informan adalah sesuatu yang penting. Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk memastikan maklumat tambahan juga direkodkan. Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu “pemerhatian secara terus” dengan “pemerhatian melalui penglibatan”. Kaedah pemerhatian”. Kaedah ini membantu pengkaji untuk memastikan beberapa maklumat yang didapati hasil temu bual agak selari dengan apa yang diperhatikan.

### **C) Selepas Pengumpulan Data**

Selepas proses pengumpulan data, pengkaji menjalankan transkrip data untuk dianalisis. Transkrip data ialah penulisan semula yang diambil daripada pita rakaman Ketika sisi temu bual dijalankan. Hasil transkrip data itu, pengkaji mula untuk membahagikan data data mengikut objektifnya. Bahan rekod itu disimpan kemas oleh pengkaji. Semua bahan rekod kajian yang sulit seperti audio, transkrip verbatim, laporan dan lain lain haruslah disimpan ditempat yang selamat dan tidak boleh di akses oleh orang lain selain penyelidik. Pengkaji harus memastikan bahawa, kerahsiaan dan identity setiap informan juga terpelihara.

#### **3.5 Analisis Data**

Dalam kajian ini, pengkaji memilih analisis tematik untuk analisis data. Analisis tematik adalah proses untuk mengenalpasti pola atau tema dalam data kualitatif. Braun & Clarke (2006) menyatakan bahawa analisis tematik adalah kaedah analisis kualitatif asas yang perlu dipelajari kerana ia menyediakan kemahiran teras yang berguna untuk menjalankan pelbagai jenis analisis. Ini bermakna, tidak seperti metodologi kualitatif yang lain, analisis tematik tidak terikat dengan perspektif epistemology atau teori tertentu. Ini menjadikan analisis tematik satu kaedah analisis yang sangat fleksibel dan mempunyai kelebihan yang boleh diaplikasikan dalam banyak reka bentuk kajian kualitatif. Matlamat analisis tematik ini adalah untuk mengenalpasti tema, iaitu corak dalam data yang penting atau bermakna dan menggunakan tema tersebut sebagai suatu yang mampu menjelaskan isu yang ingin dikaji. Analisis tematik bukan sekadar meringkaskan data, namun analisis tematik yang baik adalah mampu mentafsirkan dan

memberi makna ke atas data-data yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan. Pandangan Clarke & Braun, (2013) terdapat enam langkah untuk menalisis tematik iaitu membiasakan diri dengan data, mencipta kod permulaan, mencari tema, menyemak semula data, tentukan tema dan penulisan.

#### 4. Dapatan Dan Perbincangan

##### 4.1 Profil Sosiodemografi

Dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan kajian terhadap lima orang informan. Data profil berkenaan informan ini diperoleh berdasarkan temubual yang telah dijalankan. Beberapa etika dipatuhi sepanjang menjalankan temubual dan butiran maklumat temubual serta rakaman tidak didedahkan melainkan hanya untuk tujuan kajian.

Terdapat 5 orang informan yang telah ditemubual. Kelima-lima informan berumur diantara 17 tahun sehingga 24 tahun. Dua orang informan mempunyai taraf Pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Seorang informan tidak meneruskan pengajian dan 2 orang informan sedang menuntut diperingkat Ijazah Sarjana Muda. Bidang pekerjaan bagi dua orang informan adalah tiada, Seorang informan bekerja sebagai peniaga dan 2 orang informan masih lagi belajar.

##### 2.1 Pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ibu bapa

Kajian ini mendapati, pengalaman remaja dan kesan emosi akibat perceraian ini adalah seperti berikut. Data yang diperolehi oleh pengkaji ini adalah daripada hasil temu yang dijalankan kepada informan 1,2,3,4 dan 5.

###### 2.1.1 Kesukaran menuju fasa dewasa

Perceraian ibu bapa sememangnya akan memberi kesan kepada anak-anak. Kesan itu tidak semestinya dilihat pada fizikal sahaja, ianya termasuk kepada mental dan emosi kanak-kanak dan remaja itu. Semakin meningkat remaja, Remaja juga semakin terdedah dengan perkembangan dari sudut perhubungan, persekitaran dan kehendak yang mereka ingin perolehi. Daapatan kajian mendapati bahawa, informan merasakan kesan pengalaman perceraian itu apabila mereka sudah meningkat dewasa.

*“basically kita masa itu budak. So, basically kita tak nampak benda itu as benda yang terlalu memberi kesan kepada kita. Tapi slowly kita akan mula rasa lah”.*  
(Informan 5)

Perkara ini juga dilihat pengalaman perceraian daripada perbezaan gender bagi seseorang remaja itu. Seperti kajian Hochschild (1981) melihat bagaimana emosi itu diperoleh melalui sosialisasi dan seterusnya melihat perbezaan sosialisasi berdasarkan gender yang mengganggap Wanita lebih empatik, lebih melahirkan kasih sayang dan kurang memiliki rasa marah atau menzahirkan rasa marah manakala lelaki kurang memiliki rasa takut dan sedih berbanding perempuan. Ini membuktikan bahawa, remaja berbeza jantina akan berhadapan dengan kesan emosi yang berbeza.

*“kita perempuan kan lebih cepat matang berbanding lelaki. So, bila kita dah masuk umur sembilan tahun, sepuluh tahun tu kita dah start rasa lah. Kita rasa ada kurang, Kurang salah seorang parents kat sisi kita untuk orang besar”*  
(Informan 5)

#### 2.1.2 *Masalah kewangan*

Melalui dapatan kajian in, pengkaji juga melihat bahawa pengalaman perceraian lain juga boleh dilihat daripada sudut ekonomi keluarga selepas melalui perceraian. Hal ini dibuktikan melalui temu bual, saya mendapati terdapat 2 informan yang menyatakan tentang pengalaman perceraian yang membawa masalah kepada sistem ekonomi sesebuah keluarga itu. Apabila ibu bapa sudah bercerai, masalah kewangan sering menjadi masalah utama terhadap dirinya dan keluarga yang tinggal.

*“mak tak beli baju raya pun, sebab mak kata dia takda duit. Kami pun pakai yang lepas. Sebab mak kata, nak beli makanan untuk sambut raya pun takda duit”*

(Informan 1)

*“Dari kecil ada Mak je tak ada Ayah. Dia tak ada dia tak beri nafkah dia tak ada jumpa, macam t uke dipanggil bapa ? sedangkan adik sakit pun dia buat tak tahu je.”*  
(Informan 3)

*“mak dulu pernah kata adik minum air masak je masa dalam pantang sebab mak tak keluar susu sebab tak makan. Mak pun takda duit nak beli susu adik. Memang teruk kewangan mak masa tu. Mak pun tak kerja sebab mak jenis beriaga. Dalam pantang, mak tak larat nak buat semua sorang-sorang”*

(Informan 3)

*“tak pernah bagi aku nafkah nak bagi aku duit weh sepanjang lepas bercerai aku dengan mak makan apa ada je wei dia langsung tak hiraukan”*  
(Informan 4)

*“Saya boleh rasa yang kewangan kami semakin lama semakin baik sebab adik beradik dah mula kerja, diorang bantu mama. Kalau tak dulu kami memang takda duit nak pergi sekolah. Ayah tak bagi duit belanja sesen pon. Memang semua harap kan mak. Sampa satu masa nak bayar yuran sekolah pun Berhutang”*

(Informan 5)

#### 2.1.3 *Masalah Tempat Tinggal selamat*

Selain itu, pengalaman perceraian kepada mangsa perceraian juga adalah berbentuk

keperluan asas. Dalam teori Abraham Maslow mengatakan bahawa, setiap individu itu boleh berfungsi dengan baik sekiranya, dipenuhi keperluan asas seperti makan, minum dan tempat tinggal yang selamat. Namun, menurut informan, mereka sering diletakkan di tempat yang tidak selamat seperti bersama penagih dadah.

*“Kita orang duduk rumah kat Ipoh tu dengan adik beradik mak aku ni. So aku dari kecil duduk dalam rumah yang penuh dengan penagih”*

(Informan 4)

*“aku dari kecil aku sering dicampak ke orang tu ke orang ni. Maksudnya aku duduk dengan mak saudara yang ni dengan mak saudara yang tu”.*

(Informan 4)

*“Bila aku nak turun bawah nak pergi dapur kan aku nampak lah dekat ruang tamu tu dia tengah mengisap”*

(Informan 4)

*“kadang kadang kit ani tak duduk dengan mak pun dalam sehari, kejap duduk sini, kejap duduk sana. Tengok la mak nak kasi siapa jaga. Kadang penjaga tu pun biar je kita nak pergi keluar kemana mana”*

(Informan 5)

#### 2.1.4 Kesan Emosi Remaja

Remaja dari ibu bapa berpisah juga mempunyai pengalaman tekanan emosi yang lebih tinggi. Kajian terhadap hampir satu juta kanak-kanak di Sweden menunjukkan bahawa kanak-kanak yang membesar dengan ibu bapa yang berpisah mempunyai dua kali ganda gangguan psikiatri yang serius, melakukan atau cuba bunuh diri atau ketagihan alcohol (Brown 19980). Perkara ini disokong oleh kajian Kelleher (2000) yang menyatakan bahawa, remaja dari ibu bapa berpisah kemungkinan dua kali ganda mengalami masalah emosi dan tingkah laku iaitu sebanyak 8% berbanding 4% bagi kanak-kanak yang tinggal bersama ibu bapa. CDC melaporkan pengalaman buruk oleh remaja yang menjadi mangsa penceraian. Kanak-kanak yang tinggal dengan ibu atau bapa atau penjaga cenderung mengalami masalah keganasan sehingga mengalami penyakit mental atau masalah pengambilan alcohol dan dadah (Bramlett dan RADEL, 2014).

*“pernah lah cuba untuk merokok sebab bila kita lepak dengan kawan, diorang kata hisap lah ni nanti tak stress. So, kita bila dengar perkataan tak stress, mestilah kita nak sebab kita tengah stress tau kak”*

(Informan 1)

*“bila saya dah form 4, saya lari rumah. Saya memang tak tahan, mak pulak jenis suka*

*“marah. Saya tahu dia nak yang terbaik tapi saya sendiri pun dan stress masatu, saya rasa dengan lari rumah je saya boleh dapat ketenangan”*  
(Informan 3)

*“kadang kadang rasa marah sangat sebab rasa macam buang masa je aku dilahirkan kesini, sebab jadi mangsa emosi mak ayah, pernah la terdetik nak lari dari rumah and kawin dengan boyf dekat siam hmmm”*

(Informan 4)

Kesan emosi Mangsa perceraian ibu bapa juga mengalami kekeliruan dalam dirinya. Mereka juga tidak boleh mentafsirkan atau menggambarkan perasaannya. Mereka berasa takut dan konfius dengan perasaannya akibat trauma yang dilalui semasa kecil. . Remaja mangsa perceraian ini, akan menggunakan tangisan sebagai alat komunikasi mereka. Hal ini kerana, perasaan yang dirasakan terlalu sukar untuk disusun melalui perkataan. Mereka juga menjadi seorang yang sangat sensetif terhadap sesuatu perkara itu.

*“Takut dengan nak buat sesuatu benda takut lah. Lagi dalam bisnes ke dalam kehidupan semua jadi takut lah”*

(Informan 3)

*“Aku tak dapat tafsirkan benda ni sebagai satu dendam ke apa. Tapi aku ada rasa faham tak weh? Macam rasa Kau ni tak baik kan? Kau tak ikhlas kan?” .*

*“aku rasa mental mental aku letih fizikal aku letih sebab aku tengok benda tu dari kecil even sampai sekarang”*

(Informan 4)

*“kita akan rasa penat, kita akan rasa sedih. Kita macam bila-bila bila even something yang kecil laku, kita akan auto rasa macam benda tu trigger emosi kita yang kita akan nangis” .*

(Informan 5)

*“ Even sampai besar pun kadang-kadang kita kadang-kadang pun akan tersensitif kalau kita cepat macam panas satu perkara tu as negative kita akan sensitive” .*  
(Informan 5)

Walaubagaimanapun, masih juga terdapat perceraian positif. Tidak semua perceraian akan memberi impak negetif kepada remaja.

*“rasa happy je, duduk dengan ayah atau ibu sama je”*

(Informan 2)

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman dan kesan emosi yang dialami oleh mangsa perceraian ibu bapa di negeri Selangor. Perceraian ibu bapa kini menjadi satu fenomena yang tidak lagi asing, malah semakin meningkat dalam masyarakat moden. Perkahwinan tidak lagi dipandang sebagai satu tanggungjawab yang harus digalas dengan penuh kepimpinan. Namun, yang sentiasa menjadi mangsa terhadap perceraian ini adalah, anak-anak. Semakin dewasa, semakin mereka kenal erti hati dan perasaan. Hari kehari, kemelut keluarga bertebaran sehingga memberi kesan terhadap perkembangan anak. Anak-anak dari mangsa perceraian akan mengalami keimbangan dan ketidakpastian. Tindakan ini menyebabkan mangsa sering merasa bimbang tentang masa depan dan hubungan ibu bapa mereka. Mereka juga merasakan kesedihan dan kehilangan yang amat besar. Perkara yang lebih menakutkan adalah apabila mereka kemurungan dan keimbangan secara berterusan. Sesetengah mangsa mengalami kemurungan dan mengasingkan diri daripada rakan-rakan dan aktiviti sosial kerana masih dalam trauma dan mengalami persekitaran yang mengancam mereka.

Oleh itu, beberapa cadangan diberikan untuk membantu remaja mangsa perceraian. Yang pertama, di peringkat mezzo, melalui polisi dan dasar. Kerajaan menggubal dasar dan undang-undang yang mesra keluarga bagi memastikan hak dan kesejahteraan anak-anak terjamin selepas perceraian. Yang Kedua, Sokongan komuniti melalui rangkaian sokongan. Membentuk rangkaian sokongan di kalangan ibu bapa yang bercerai untuk berkongsi pengalaman dan strategi dalam menjaga anak-anak. Selain itu, kaunseling dan terapi juga merupakan perkara penting untuk mangsa perceraian ibu bapa. Kaunseling juga harus dibuat bukan sahaja berskala inividu, tetapi berskala keluarga. Hal ini dapat membantu kedua dua belah pihak untuk mendapatkan kedamaian walaupun sudah bercerai.

## Rujukan

- Amato and Keith (1991) meta-analysis. *Journal of Family Psychology* 15: 355.
- Amato, Paul R. & James, Spencer. (2013). Divorce in Europe and the United States: Commonalities and differences across nations. *Family Science* 1(1): 2-13.
- Amato, P. R. (2014). The consequences of divorce for adults and children: An update. *Društvena Istraživanja: Časopis Za Opća Društvena Pitanja*, 23(1), 5–24
- Andreß, H.-J., & Bröckel, M. (2007). Income and life satisfaction after marital disruption in Germany. *Journal of Marriage and Family*, 69(2), 500-512. <https://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2007.00379.x>
- Billingham R.E., and Notebaert N.L.. (1993). Divorce and dating violence revisited: Multivariate analyses using Straus's conflict tactics subscores. *Psychological Reports* 73: 679–84. [PubMed] [Google Scholar] [Ref list]
- Bistamam, M. N., Jais, S. M., Jusoh, A. J., Abdul, A. M., Rahman, M. A., & Razali, M. M. depression among teenagers of divorced parent. *International Journal of Education and Research*, 3, 113–122.
- Bramlett M.D., and Radel L.F. (2014) Adverse Family Experiences Among Children in Nonparental Care, 2011–2012. *National Center for Health Statistics*, n. 74, <http://www.cdc.gov/nchs/data/nhsr/nhsr074.pdf>. [Ref list]
- Brown J., Cohen P., Johnson J.G., and Salzinger S.. (1998). A longitudinal analysis of risk factors for child maltreatment: Findings of a 17 year prospective study of

- officially recorded and self-reported child abuse and neglect. *Child Abuse Negl* 22: 1065–78. [PubMed] [Google Scholar] [Ref list]
- Ellis B.J., Bates J.E., Dodge K.A., Fergusson D.M., Horwood L.J., Pettit G.S., and Woodward L.. (2003). Does father absence place daughters at special risk for early sexual activity and teenage pregnancy? *Child Dev* 74: 810–1. [PMC free article] [PubMed] [Google Scholar] [Ref list]
- Emery RE. *Renegotiating family relationships: Divorce, child custody, and mediation*. 2nd edn. New York: Guilford Press; 2012. [Google Scholar] [Ref list]
- Eurostat. (2019). Employment and activity by sex and age □ annual data [lfsi\_emp\_a]. <http://appss.eurostat.ec.europa.eu/nui/submitViewTableAction.do>. Accessed 19 July 2019.
- Cancian, M., Meyer, D. R., Brown, P. R., & Cook, S. T. (2014). Who gets custody now? Dramatic changes in children's living arrangements after divorce. *Demography*, 51, 1381–1396.
- Clark VL. *Designing and conducting mixed method research*. 2nd Sage; Thousand Oaks, CA: 2011. [Google Scholar] [Ref list] Czapiewski, Sara M.. (2014). Loss of the Parent-Child Relationship after Divorce: Does Custodial Arrangement Matter?. Retrieved from Sophia, the St. Catherine University repository website: [https://sophia.stkate.edu/msw\\_papers/305](https://sophia.stkate.edu/msw_papers/305)
- Hanvey I, Avard D, Graham I, Underwood K, Campbell J, Kelly C. *The Health of Canada's Children: A CICH Profile*. 2nd edn. Ottawa: Canadian Institute of Child Health; 1994. [Google Scholar] [Ref list]
- Himmelreicher, R. □ K., & Stegmann, M. (2008). New possibilities for socio-economic research through longitudinal data from the Research Data Centre of the German Federal Pension Insurance (FDZ-RV). *Journal of Contextual Economics: Schmollers Jahrbuch*, 128(4), 647–660.
- Hochschild AR (1979) Emotion talk, feeling rules, and social culture. *American Journal of Sociology* 85, 551-575. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 9 (150 - 160) 160 © 2016, ISSN 2180-249
- Hubbard J (2001) Emotion expression processes in children's peer interaction: The role of peer rejection, aggression, and gender. *Child Development* 72(5).
- Hübgen, S. (2018). Only a husband away from poverty? Lone mothers' poverty risks in a European comparison. In L. Bernardi & D. Mortelmans (Eds.), *Lone parenthood in the life course* (pp. 167–189). Cham: Springer. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-63295-7\\_8](https://doi.org/10.1007/978-3-319-63295-7_8).
- Jeynes W.H. (2000). The effects of several of the most common family structures on the academic achievement of eighth graders. *Marriage and Family Review* 30: 88. [Google Scholar] [Ref list]
- Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di kalangan Orang-orang Melayu dalam Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan.
- Strohschein L. (2005). Parental divorce and child mental health trajectories. *Journal of Marriage and Family* 67: 1286. [Google Scholar] [Ref list] Patton MQ. *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd Sage Publications; Thousand Oaks, CA: (2002). [Google Scholar] [Ref list].
- Yin R. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th ed.). SAGE Publications.